

# Kabinet Dr. M diumumkan hari ini

**KUALA LUMPUR, Jumaat —** Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad mengumumkan Kabinetnya esok.

Bellau membuat kenyataan itu selepas menunaikan sembahyang Jumaat di Masjid Negara di sini hari ini.

Beberapa Kementerian penting kecuali Kewangan diduga akan dirombak. Pengumuman itu dua hari lebih awal dari tarikh yang ditetapkan (20 Julai), dibuat pada jam 10 pagi, di pejabatnya di Jabatan Perdana Menteri.

Berita Harian dalam laporan muka depannya, 8 Julai lalu, menyebut Datuk Seri Dr. Mahathir dijangka mengumumkan Kabinet barunya pada 18 Julai.

Datuk Seri Dr. Mahathir seperti biasa sembahyang Jumaat di luar dewan sembahyang bersama lain-lain jemaah dan tidak di saf hadapan di belakang Imam.

Bellau tiba kira-kira jam 12.30 tengahari dan terus duduk di luar dewan. Turut menunaikan fardu Jumaat di Masjid Negara ialah bekas Perdana Menteri, Tun Hussein Onn.

Sementara itu, Radio dan Televisyen Malaysia sedang membuat persiapan untuk menyiarkan secara langsung pengumuman Kabinet baru menerusi Rangkaian Nasional Radio Malaysia mulai jam 10 pagi.